

Dunia Pengetahuan

Keyakinan Pada Kekuatan Alam dan Kekuatan Ghaib

(oleh: Mohammad Natsir)

Suatu panitia penyelidik kekuatan alam telah dibentuk Amerika pada kira-kira dua tahun yang lalu, yang di dalamnya berkumpul ahli-ahli pengetahuan yang tinggi dan moden. Profesor, *engineer*, doktor, dan lain-lain ahli dalam ilmu alam, ilmu hisab, ilmu kimia, kedokteran-kedokteran lombong, elektrik, ahli atom dan lain-lainnya yang tergabung dalam panitia itu, untuk menyelidik kekuatan alam yang masih menjadi rahsia bagi umat manusia di muka bumi ini.

Doktor Steiner demikian nama ketua panitia tersebut, ia sebagai ketua penyelidik kekuatan alam itu telah banyak berpengalaman dalam penyelidikan alam, zatnya, sifatnya, daya - tenaga, kekuatannya, pertumbuhannya, perubahannya dari satu keadaan menjadi keadaan yang lain dan seterusnya.

Tak Ada Kepuasan

Meskipun telah luas penyelidikannya, baik dalam hal kimia, kekuatan elektrik sampai tenaga atom dan beberapa hal mengenai kekuatan alam lainnya, namun ia belum merasa puas dengan hasil penyelidikannya yang telah ada itu. Walaupun sebagaimana tingginya ilmu pengetahuan sekarang ini, ahli-ahli ilmu itu

masih belum mendapat kepuasan, ia merasa kelemahan dirinya, kerana semakin diselami semakin dalam, semakin dikaji dan diselidiki, semakin diketahuinyalah bahawa masih banyak lagi rahsia alam yang belum dapat dipecahkan oleh otak manusia.

Ilmu pengetahuan itu tidak akan habis-habisnya dipelajari, menjumpai satu bertemu pula dengan yang lain, ia meminta penyelidikan yang lebih lanjut dan lebih luas daripada yang telah didapat, antara satu ilmu dengan ilmu yang lain pun banyak mempunyai hubungannya, tali bertali, kait-berkait dan hajat menghajatkan satu sama lainnya.

Masih Ada Ilmu yang Belum Dikenal

Semakin digali ia semakin dalam, tambah naik bertambah tinggi, setelah didekati ada pula tampak sayup-sayup jauh, meskipun telah sejauh itu mengharungi lautan angkasa, namun tepi langit masih belum terjumpa, demikianlah ilmu pengetahuan itu tak kenal batas tak tahu puas.

Keadaan alam menunjukkan bahawa masih ada lagi ilmu yang belum diketahui, masih ada lagi sesuatu yang belum dapat dikuasai oleh manusia. Sesudah terdapat satu kekuatan alam yang lain, yang selalu meminta supaya

terus diselidiki.

Kedadaan alam yang nyata telah membuktikan bahawa di sebalik alam yang nyata itu masih ada lagi suatu kekuatan besar yang belum (tidak) nyata . .

Masih Ada Kekuatan

Sebelum zat atom itu dijumpai, orang tak kenal apakah atom itu, kerana akal belum sampai ke sana, padahal sudah lama ia ada. Pada suatu waktu akal melihat dari jauh, keinginan mendekati mulai timbul, lalu dilakukannya penyelidikan.

Sesudah melalui bermacam-macam kesulitan, harapan mulai membayang, yang dicari semakin hari semakin dekat, dan akhirnya terjumpalah ilmu pengetahuan dengan apa yang dilihatnya dari jauh dahulu. Maka pada ketika itulah timbul pengakuan kepada adanya sesuatu yang pada waktu sebelumnya dikira tidak ada.

Zat atom itu kecil dan sangat halusnyanya, tak dapat dilihat oleh mata pancaindera, tetapi akibat dari kekuatannya yang begitu besar dan dahsyat, terang nampak dengan nyata.

Kekuatan yang besar dan hebat itu digerakkan oleh benda yang tidak dapat dilihat, terkecuali dengan menggunakan alat pembesar yang berlipat ganda.

Kembali kepada Doktor Steiner, ia belum puas dengan hasil-hasil penyelidikan yang telah diusahakannya bersama-sama ahli-ahli dari anggota penyelidik kekuatan alam itu.

Ia berkeyakinan, bahawa masih ada lagi kekuatan alam yang belum dijumpai oleh manusia, suatu kekuatan yang lebih besar daripada tenaga atom.

Kenyataan yang tampak oleh mata senyata-nyatanya telah menjelmakan keyakinan ke dalam hati, bahawa ada sesuatu kekuatan yang tidak nampak oleh pancaindera, mahupun oleh alat pembesar (mikroskop).

Kenyataan yang telah menjadi keyakinan itu, ialah adanya “kekuatan tenaga doa”.

Kekuatan tenaga doa itu sangat besar, sangat hebat dan dahsyat, ia berkeyakinan bahawa walau bagaimana jua pun kekuatan manusia ini, namun ia tidak sanggup menentang kenyataan yang dihasilkan oleh tenaga doa yang makbul.

Kekuatan tak dapat dilihat, akan tetapi “kesan yang dijelmakannya” memberikan kenyataan.

Pancaindera dan mikroskop tidak sanggup menembus dinding benteng yang melindungi tenaga ‘doa’ itu. Ia adalah kekuatan “zat yang ghaib”.

Dengan adanya keyakinan yang demikian, kekuatan alam itu telah meyakinkan adanya kekuatan ghaib, ia telah percaya salah satu firman Tuhan yang tersebut dalam al-Quran: “*alladhīna yu`minūna bi al-ghayb*”, percaya kepada zat ghaib.

Kekuatan Doa

Bagaimana besarnya pengaruh tenaga doa, dari kekuatan ghaib itu, hanya dapat diketahui dan diselami oleh orang yang berdoa.

Kalau hendak menyelami kekuatan doa itu, latihlah jiwa untuk berdoa, biasakanlah diri melakukannya.

Doa, nanti akan tahu besarnya daya tenaga ghaib yang tak dapat dilihat dengan mata dan mikroskop sekalipun.

Latihan ini bukan hanya dengan menghafazkan bacaan-bacaanya sahaja, tetapi jiwa doa itulah yang diselami sedalam-dalamnya, kemudian dilatih diri melakukan dengan khusyuk dan tawaduk.

Orang yang telah melatih dirinya berdoa, ia akan dapat menjawab sendiri, betapa besar dan hebatnya kekuatan doa itu.

- dari “media”.